



PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
2023 - 2025



PELAN ANTIRASUAH
ORGANISASI
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
2023-2025

Hak Cipta Terpelihara
©SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada SKM (Suruhanjaya Koperasi Malaysia).

Diterbitkan Oleh:

Unit Integriti
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 11, Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara,
50490 KUALA LUMPUR
Tel: 03-2083 4000
Faks: 03-2083 4100
E-mel: g_integriti@skm.gov.my

Dicetak oleh:

Kraft Kingdom Venture
No. 20-2A,Jalan Emas 5, Taman Emas
Batu 9, Cheras
43200 Selangor Darul Ehsan
Tel: 013-385 2162
E-mel: kraftkingdom.venture@gmail.com

Rasulullah S.A.W bersabda, yang bermaksud:

“Barang siapa yang kami angkat di antara kamu memangku sesuatu jawatan, lalu disembunyikannya terhadap kami sebuah jarum atau lebih kecil dari itu, maka perbuatannya itu adalah penggelapan. Dia akan datang pada hari kiamat membawa barang yang digelapkannya itu.”

~ Hadis Riwayat Muslim ~

AMANAT YANG BERHORMAT MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Dengan penuh rasa kesyukuran, syabas diucapkan kepada seluruh pasukan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) atas komitmen membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SKM Tahun 2023–2025. OACP SKM merupakan satu dasar yang mencerminkan kesungguhan warga SKM untuk membanteras segala bentuk aspek rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa dalam organisasi, terutamanya dalam membangunkan koperasi yang berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi Negara. Pelbagai inisiatif telah dirangka dan akan dilaksanakan untuk mengukuhkan nilai jati diri dan integriti warga SKM dalam merealisasikan agenda ini.

Agensi-agensi di bawah KUSKOP telah disarankan menyediakan OACP masing-masing bagi menangani isu-isu berkaitan integriti, governans dan rasuah. Perkara ini penting bagi meningkatkan tadbir urus dan imej penjawat awam dalam penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pelanggan.



Saya juga berharap agar semua pihak memberi kerjasama dan berganding bahu dalam merealisasikan inisiatif yang dirancang mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan agar matlamat penghasilan pelan ini tercapai. Akhir kalam, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam pembangunan OACP SKM ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Saya yakin dan percaya kerjasama daripada semua pihak akan dapat mencapai matlamat utama pelan ini.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'NOH OMAR'.

YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

AMANAT PENGERUSI EKSEKUTIF

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) berjaya membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) SKM. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapan kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan pelan ini. SKM amat komited dalam mewujudkan persekitaran kerja yang bersih dan bebas daripada sebarang gejala rasuah yang boleh memberi imej dan persepsi buruk kepada organisasi. OACP SKM merupakan dokumen penting yang akan menjadi panduan dan penunjuk arah untuk menangani masalah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku dalam kalangan warga SKM sekali gus menyumbang kepada aspirasi nasional agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah. Pembangunan pelan ini adalah melalui penyatuan semua inisiatif dan usaha berkaitan integriti, tadbir urus dan antirasuah dalam satu pelan yang sama.



Sebanyak empat (4) bidang keutamaan yang telah dikenalpasti dalam pembangunan pelan ini iaitu Tadbir Urus Baik dan Berintegriti, Kewangan dan Perolehan, Pembangunan Modal Insan dan Pentadbiran dan Pengurusan yang menjadi tunjang utama kepada lima (5) strategi dan sepuluh (10) objektif strategik. SKM juga telah mengenal pasti sebanyak 52 inisiatif yang dirancang untuk dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan OACP SKM. Saya yakin dan percaya bahawa semua inisiatif dalam OACP SKM akan menjadi penyumbang terbesar dalam usaha untuk mencegah amalan rasuah dan penyelewengan dalam organisasi.

Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan amalan kepada semua warga kerja SKM dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

Sekian, terima kasih

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'YBHG. DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON'.

YBHG. DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON
Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia

SINGKATAN

ABMS	Anti-Bribery Management Systems
AKADEMI	Akademi SKM
BDP	Bahagian Dasar dan Perancangan Pembangunan
BK	Bahagian Kewangan
BP	Bahagian Pentadbiran
BPDP	Bahagian Pengurusan Dana dan Pelaburan
BPK	Bahagian Pembangunan Koperasi
BPKK	Bahagian Pembiayaan dan Kawalan Kredit
BPL	Bahagian Pengurusan Pelaburan
BPM	Bahagian Pengurusan Maklumat
BPPR	Bahagian Pengesanan dan Penilaian Risiko
BSK	Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan
BSM	Bahagian Sumber Manusia
DDMS	Digital Document Management System
GP	Garis Panduan
ICT	Information and Communications Technology
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KWA	Kumpulan Wang Amanah
KWO	Kumpulan Wang Operasi
NACP	Pelan Antirasuah Nasional
NPF	Non Performing Financing
OACP	Pelan Antirasuah Organisasi
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TMP-SKM	Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia
UAD	Unit Audit Dalam
UAKK	Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Komunikasi Korporat
UI	Unit Integriti

ISI KANDUNGAN

PERNYATAAN KOMITMEN	1
RINGKASAN EKSEKUTIF	2
VISI OACP SKM	3
PENGENALAN	
Sejarah Penubuhan dan Latar Belakang SKM	4
Visi dan Misi SKM	5
Peranan dan Fungsi SKM	6
Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional	7
Keperluan Pembangunan OACP SKM	8
Pembangunan OACP SKM 2023-2025	9
Bidang-Bidang Berisiko di SKM	10
Analisis Persekutaran dan Penilaian Risiko	11
Ikrar Integriti SKM	12
KERANGKA OACP SKM	13
BIDANG KEUTAMAAN	14
BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI	15
STRATEGI PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF	16
Tadbir Urus Baik dan Berintegriti	17
Kewangan dan Perolehan	19
Pembangunan Modal Insan	20
Pentadbiran dan Pengurusan	21
PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	22
Mekanisme Penilaian	
PENUTUP	23
Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Urus Setia OACP SKM	24

“Beta juga menyambut baik langkah Kerajaan dalam menggalakkan amalan tadbir urus yang baik berteraskan integriti. Menerusi amalan ini sebuah sistem pemerintahan dan pentadbiran yang berintegriti, telus dan cekap akan menjadi kenyataan. Oleh yang demikian, adalah amat bertepatan bagi Pelan Antirasuah Nasional dan Pelan Antirasuah Organisasi untuk terus didokong bagi mencapai aspirasi rakyat Beta untuk hidup dalam sebuah negara yang bebas rasuah dan berintegriti”

**~ Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ~**

Sempena Pembukaan Penggal Ke-4 Parlimen Ke-14
13 September 2021

PERNYATAAN KOMITMEN

Pembentukan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2023-2025 peringkat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) merupakan satu usaha bagi mendukung aspirasi Kerajaan dalam memastikan Malaysia dikenali dengan integriti dan bukannya rasuah, bersandarkan tadbir urus baik dalam membanteras gejala rasuah demi penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

Berdasarkan kepada matlamat berkenaan **pembangunan OACP merupakan salah satu inisiatif mandatori** seperti yang dinyatakan dalam Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 dan pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang mewajibkan semua kementerian, jabatan dan agensi awam membangunkan OACP.

Pembangunan OACP SKM ini juga merupakan antara inisiatif yang terkandung dalam NACP 2019-2023 di bawah inisiatif 2.1.5 yang telah menggariskan keperluan pembangunan OACP di semua sektor awam (Kementerian dan Kerajaan Negeri). Manakala inisiatif 6.2.1 pula menggariskan pembangunan OACP di Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia.

SKM komited dan beriltizam untuk memastikan segala inisiatif dalam OACP SKM ini dilaksanakan dengan telus, berakauntabiliti dan berintegriti dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan demi pembangunan gerakan koperasi di Negara ini.

RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP SKM 2023-2025 dibangunkan selaras dengan usaha Kerajaan membangunkan NACP 2019-2023 yang telah dilancarkan pada 29 Januari 2019. Pelan ini merupakan dokumen penting yang menjadi panduan bagi memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam pengurusan pentadbiran sesuatu organisasi untuk menangani rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku.

VISI OACP SKM 2023–2025

MELAHIRKAN WARGA SKM YANG BERINTEGRITI SERTA
PERSEKITARAN BEBAS RASUAH

OBJEKTIF OACP SKM 2023-2025:

Menentukan kerangka dan hala tuju tindakan pencegahan dalam menangani isu dan permasalahan rasuah dengan lebih komprehensif dan jelas.

Membudayakan amalan kerja berteraskan nilai-nilai murni dan beretika melalui tadbir urus yang cekap, berintegriti, amanah, akauntabiliti dan mempunyai minda kelas pertama.

Memperkuuhkan kesedaran, komitmen dan kerjasama berpasukan warga SKM dalam menangani rasuah dan salah laku.

Meningkatkan imej SKM, kepercayaan pemegang taruh dan gerakan koperasi serta masyarakat ke atas perkhidmatan yang disediakan oleh SKM.



VISI OACP SKM

Visi utama OACP SKM 2023-2025

adalah untuk menjadikan warga kerja SKM yang berintegriti melalui tiga (3) misi yang telah ditetapkan iaitu:



Memperkasakan dan memperkuuhkan tadbir urus, integriti dan antirasuah





Mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti berasaskan pembudayaan nilai-nilai murni serta responsif dalam penyampaian perkhidmatan



Memantapkan jati diri warga kerja SKM untuk mewujudkan ekosistem pengurusan organisasi yang bebas rasuah

SEJARAH PENUBUHAN DAN LATAR BELAKANG SKM



VISI DAN MISI SKM




VISI SKM

Peneraju kecemerlangan koperasi bagi menjadikannya penyumbang berkesan kepada pembangunan Negara

MISI SKM

Bagi mencapai visi tersebut, SKM telah menggariskan misi organisasinya seperti berikut:



Meningkatkan penglibatan koperasi dalam pelbagai sektor ekonomi

Membangunkan modal insan yang kompeten dan berbudaya keusahawanan

Merangsang pembangunan koperasi supaya kompetitif, berdaya tahan, berdaya saing, progresif dan berintegriti

PERANAN DAN FUNGSI SKM

1. Menggalakkan serta mengekalkan kestabilan sektor koperasi;
2. Bertanggungjawab dalam memantau, menyelia dan mengawal selia koperasi dan sektor koperasi;
3. Menggalak dan mempromosi pembangunan koperasi dan sektor koperasi yang kukuh dan teratur;
4. Memelihara nilai dan prinsip koperasi;
5. Mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktivitiinya;
6. Mendaftar dan membatalkan pendaftaran koperasi;
7. Bertindak sebagai pemegang amanah dan untuk menguruskan apa-apa skim pembiayaan Islam atau kemudahan kredit yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia untuk koperasi;
8. Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berhubungan dengan koperasi dan sektor koperasi; dan
9. Menjalankan apa-apa fungsi di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain seperti yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta.

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

PIN 2004

Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004 bertujuan untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh dan ditunjangi oleh budi

GTP 2010

Program Transformasi Kerajaan (GTP) 2010 adalah satu usaha oleh Kerajaan Malaysia untuk menjadikan Negara sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi selaras dengan Wawasan 2020

Pelan Integriti Organisasi (PIO) 2015 adalah berfokus untuk memantapkan integriti secara menyeluruh dalam diri warga kerja. Pelan ini dibentuk bagi menyokong matlamat dan mencapai objektif seperti yang telah digariskan dalam Pelan Integriti Nasional pada tahun 2004

Dalam menuju ke arah status Negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda membanteras rasuah telah menjadi keutamaan negara. Oleh itu, beberapa inisiatif utama diperingkat nasional telah dibangunkan bermula dengan PIN 2004, GTP 2010, PIO 2015 dan yang terkini ialah Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)

PIO 2015

OACP 2020

KEPERLUAN PEMBANGUNAN OACP SKM

OACP merupakan pelan dalaman organisasi yang menggariskan tindakan dan hala tuju bagi menyediakan persekitaran yang menolak rasuah dalam organisasi. Pembangunan OACP digariskan dalam Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2018 Siri 2 No. 1 Tahun 2019 dan ianya adalah selaras dengan Inisiatif 6.2.1 NACP di bawah Strategi 6: Memupuk Tadbir Urus Baik dalam Entiti Korporat iaitu “Mewajibkan Badan Berkanun, Syarikat Milik Kerajaan (SOEs), Syarikat Terhad Dengan Jaminan (CLBG) dan sektor swasta yang dikawal selia oleh badan kawal selia untuk membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi”. Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional – Perkara 6 (Pengurusan OACP), adalah tunjang kepada keperluan SKM dalam membangunkan OACP.

OACP dibangunkan untuk membantu sesuatu organisasi merangka strategi korporatnya secara menyeluruh dalam menangani risiko rasuah. Ianya merupakan perancangan pemantapan integriti bersepada, komprehensif dan holistik. OACP SKM yang diperkenalkan akan memacu ke arah peningkatan ketelusan dengan menerapkan prinsip integriti dan kebertanggungjawaban dalam semua sistem dan prosedur yang berkuat kuasa supaya sentiasa dipatuhi oleh warga kerja SKM bagi mengelak sebarang penyalahgunaan kuasa, konflik kepentingan, penyelewengan dan kelemahan tadbir urus.

KELEBIHAN OACP



PEMBANGUNAN OACP SKM 2023-2025

Pembangunan OACP melibatkan beberapa proses utama yang harus dilalui oleh sesebuah organisasi. Untuk menyediakan dokumen OACP ini, organisasi harus mengadakan Bengkel Pembangunan OACP yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dalam organisasi. Kehadiran pegawai-pegawai kanan ini amat penting bagi memastikan komitmen dan kesungguhan pihak Pengurusan Tertinggi organisasi dalam menangani isu rasuah.

Pembangunan OACP SKM 2023-2025 ini, dimulakan dengan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan OACP SKM pada 6 Oktober 2021. Keanggotaan Ahli Jawatankuasa ini terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan dalam SKM dan Unit Integriti SKM bertindak sebagai urus setia.

Dalam usaha menjayakan pembangunan OACP SKM ini beberapa siri bengkel dan taklimat telah diadakan seperti berikut:



BIDANG-BIDANG BERISIKO DI SKM

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan **empat (4) bidang keutamaan** yang terdedah kepada risiko governans, integriti dan rasuah di SKM telah dikenal pasti iaitu:



TADBIR URUS BAIK DAN BERINTEGRITI

Tadbir Urus Baik dan Berintegriti merujuk kepada sistem peraturan, pengurusan dan pentadbiran SKM. Tadbir urus yang baik akan dapat memastikan organisasi menggunakan dana awam dengan cekap dan betul serta penyampaian perkhidmatan adalah cemerlang. Antara kepentingan mewujudkan tadbir urus baik dan berintegriti adalah memastikan SKM dapat diuruskan mengikut undang-undang dan nilai etika yang baik untuk meyakinkan pemegang taruh demikian kepentingan pelanggan.



KEWANGAN DAN PEROLEHAN

Pengurusan kewangan merujuk pada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal (wang tunai), barang (aset) dan perolehan untuk memenuhi matlamat sesuatu organisasi manakala perolehan merujuk kepada pembelian barang, perkhidmatan dan kerja yang menggunakan dana awam. Perolehan merupakan salah satu bidang di SKM yang paling terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan Modal Insan merujuk kepada pengurusan sumber manusia di SKM bagi melahirkan pegawai SKM yang mempunyai minda kelas pertama, berkualiti dalam segala aspek fizikal, mental dan spiritual serta mempunyai nilai-nilai murni. Pembangunan modal insan ini merupakan satu elemen penting dalam memastikan semua visi dan misi SKM dapat dilaksanakan dengan baik.



PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN

Pentadbiran dan Pengurusan merujuk kepada aktiviti pengurusan dan semua hal ehwal pentadbiran di bawah SKM dalam melaksanakan fungsi dan matlamat. Amalan sistem dan proses kerja perlu ditambahbaik bagi menutup ruang dan peluang rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Penyampaian perkhidmatan awam yang efisien dan berkualiti adalah dilihat sebagai faktor penting yang mencerminkan imej SKM.

ANALISIS PERSEKITARAN DAN PENILAIAN RISIKO

Proses analisis maklumat daripada pelbagai sumber (bermula tahun 2015 hingga 2020) telah dimulakan pada **November 2021**. Sumber maklumat yang digunakan bagi tujuan menganalisis dan menilai risiko seperti berikut:

01

SUMBER DALAMAN

1. Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) SKM
2. Maklumat Aduan Unit Integriti SKM
3. Laporan Audit Dalam SKM
4. Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN) SKM
5. Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) SKM

02

SUMBER LUARAN

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN)
2. Maklumat Aduan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
3. Maklumat Aduan Biro Pengaduan Awam (BPA)
4. Maklumat Aduan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

IKRAR INTEGRITI SKM

Bahawa Kami, Berikrar

Akan berkhidmat dengan telus, bersih, cekap dan amanah;
Komited serta berusaha mencapai integriti paling tinggi;
Mematuhi kod etika Suruhanjaya dan perkhidmatan awam;
Mengamalkan nilai-nilai murni berteraskan agama dalam hidup kami; dan
Menuju ke arah pembentukan budaya kerja cemerlang.

Berasaskan Prinsip Ini, Kami Berazam:

Tidak akan menggunakan kedudukan kami bagi faedah diri sendiri;
Sentiasa berusaha meningkatkan imej Suruhanjaya;
Bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai objektif Suruhanjaya;
Menjadikan perkhidmatan berkualiti dan integriti berterusan sebagai
budaya kerja kami; dan
Bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja di Suruhanjaya ini seperti yang diarahkan
dari semasa ke semasa.



KERANGKA OACP SKM

Dokumen OACP SKM ini memberi tumpuan kepada **empat (4) bidang keutamaan yang merangkumi lima (5) strategi, sepuluh (10) objektif strategik dan 52 inisiatif** untuk dilaksanakan oleh peneraju/ pelaksana yang telah dikenal pasti. Peneraju/ pelaksana inisiatif bertindak sebagai penyelaras pelaksanaan manakala Unit Integriti akan memantau kemajuan dan prestasi pelaksanaannya bagi memenuhi objektif yang digariskan. Setiap strategi dan inisiatif yang dirangka mengambil kira keperluan kepada pemantapan integriti, pengukuhan tadbir urus dan pemerkasaan pencegahan rasuah sama ada melalui perubahan dasar, penambahbaikan sistem dan teknologi, pengukuhan struktur dan pemantauan serta pemantapan modal insan.

Bersandarkan OACP SKM yang dirangka, diharapkan dapat memperkemaskan usaha pencegahan rasuah agar lebih tegas dan komited. OACP ini akan menjadi panduan kepada SKM untuk meletakkannya sebagai sebuah agensi yang berintegriti tinggi dan bebas rasuah.

KERANGKA OACP SKM



EMPAT (4) BIDANG KEUTAMAAN



BIDANG KEUTAMAAN DAN STRATEGI

BIDANG KEUTAMAAN	STRATEGI	OBJEKTIF STRATEGIK
Tadbir Urus Baik dan Berintegriti	Memupuk Tadbir Urus Terbaik, Profesional dan Berintegriti	Mempertingkatkan kecekapan, keberkesan dan ketelusan pengurusan pembiayaan/ geran bantuan Meningkatkan ketelusan pengurusan hasil organisasi Meningkatkan integriti, kecekapan dan pengamalan profesionalisme dalam organisasi
Kewangan dan Perolehan	Memperkuatkan Kerangka Pengurusan Kewangan dan Perolehan	Meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan organisasi
Pembangunan Modal Insan	Memperkasa Modal Insan Yang Kompeten dan Berintegriti	Meningkatkan keseragaman dan ketelusan dalam proses pengambilan dan penempatan pegawai demi kepentingan SKM Membentuk budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam organisasi Memperkuuh dan memantapkan nilai-nilai murni warga SKM
	Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesan Penyampaian Perkhidmatan Awam	Memperkuuh kecekapan penyampaian perkhidmatan organisasi
Pentadbiran dan Pengurusan	Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Bagi Menyokong Fungsi Utama SKM	Mengoptimumkan penggunaan aset-aset alih SKM termasuk kenderaan bagi melancarkan pengoperasian SKM Memperkemas pengurusan dokumen dan sistem pemfailan bagi mengelakkan kebocoran atau kehilangan maklumat rasmi atau terperingkat

STRATEGI PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

Bidang Keutamaan 1		TADBIR URUS BAIK DAN BERINTEGRITI		
Strategi 1		Memupuk Tadbir Urus Terbaik, Profesional dan Berintegriti		
Objektif Strategik 1.1		Mempertingkatkan Kecekapan, Keberkesanaan dan Ketelusan Pengurusan Pembiayaan dan Geran Bantuan		
Bil.	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Mengukuhkan Dasar Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM)		BPKK	2021-2025
2.	Mengukuhkan Peraturan-Peraturan Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM)		BPKK	2021-2025
3.	Menambahbaik pelaksanaan Garis Panduan (GP)/ Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Pembiayaan TMP-SKM Mengenai Skim Pembiayaan Mikro Oleh Koperasi		BPKK	2021-2025
4.	Memantau pencapaian KPI SKM Negeri		BDP	2021-2025
5.	Mengemukakan senarai Koperasi yang mendapat pembiayaan TMP-SKM kepada agensi pelaporan kredit		BPKK	2021-2025
6.	Melaksanakan pemeriksaan khas di bawah seksyen 64 Akta Koperasi 1993 ke atas koperasi yang berstatus dorman yang gagal membayar balik pembiayaan TMP-SKM bagi tujuan pembatalan pendaftaran koperasi		BPKK	2021-2025
7.	Mengambil tindakan perundangan ke atas koperasi yang mempunyai NPF		BPKK	2021-2025
8.	Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan pematuhan ke atas GP, SOP dan Tatacara permohonan pembiayaan dan geran/ dana bantuan SKM		BPK & BPKK	2021-2025
9.	Mengukuhkan mekanisme dalam menguatkuasakan terma-terma perjanjian, penyaluran pembiayaan dan geran/ dana bantuan SKM		BPK & BPKK	2021-2025
10.	Mewujudkan dan melaksanakan mekanisme pemantauan silang bagi tujuan semak dan imbang (check and balance) proses permohonan pembiayaan dan geran/ dana bantuan SKM		BPK & BPKK & BPPR	2023-2025
11.	Menambahbaik dan membuat kajian menyeluruh kepada keberkesanan pembangunan sistem dan maklumat sedia ada dan pembangunan maklumat berpusat SKM bagi mewujudkan satu jalinan sistem dan maklumat secara berpusat yang lebih tepat, dipercayai dan memberi perkhidmatan yang optimum		BPM	2023-2025

Bidang Keutamaan 1		TADBIR URUS BAIK DAN BERINTEGRITI		
Strategi 1		Memupuk Tadbir Urus Terbaik, Profesional dan Berintegriti		
Objektif Strategik 1.2		Meningkatkan Ketelusan Pengurusan Hasil Organisasi		
Bil.	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Menambahbaik sistem pungutan hasil Organisasi secara dalam talian (online)/ <i>payment gateway</i> bagi bayaran hasil SKM		BK	2023-2025
2.	Memperkuuhkan mekanisme dalam menguatkuasa pusingan kerja (job rotation) secara mandatori untuk jawatan sensitif dan kritikal secara berterusan		BSM	2021-2025
Bidang Keutamaan 1		TADBIR URUS BAIK DAN BERINTEGRITI		
Strategi 1		Memupuk Tadbir Urus Terbaik, Profesional dan Berintegriti		
Objektif Strategik 1.3		Meningkatkan Integriti, Kecekapan dan Pengamalan Profesionalisme Dalam Organisasi		
Bil.	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Melaksanakan pengisian Surat Aku Janji kepada warga kerja SKM dalam melaksanakan tugas sebagai pegawai SKM		UI	2023-2025
2.	Mewujudkan dasar dan Polisi Perjanjian Usahasama Antara SKM dengan pihak luar		BDP	2023-2025
3.	Mewujudkan Polisi Dalaman Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai SKM		UAKK	2023-2025
4.	Mewujudkan Polisi Percanggahan Kepentingan (Conflict of Interest Policy)		UI	2023-2025
5.	Mewujudkan Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat (Whistleblowing)		UI	2023-2025
6.	Menambahbaik Polisi dan Tatacara Pengurusan Kerahsiaan Maklumat		BSM	2021-2025
7.	Memperkasa dan menguatkuasakan Polisi/ SOP serta percanggahan kepentingan termasuk pemeriksaan/ penyiasatan Koperasi		BSK	2021-2025
8.	Mempermaksa Dasar Keselamatan ICT SKM		BPM	2023-2025
9.	Menambahbaik fasiliti bilik fail dan akses dengan ciri-ciri keselamatan bagi mengelakkan pencerobohan dan kehilangan dokumen		BP	2023-2025
10.	Menyemak dan menambahbaik Polisi Dalaman Berkaitan Kelulusan Pekerjaan Luar		UI	2022-2025

Bidang Keutamaan 2		KEWANGAN DAN PEROLEHAN		
Strategi 2		Memperkuuhkan Kerangka Pengurusan Kewangan dan Perolehan		
Objektif Strategik 2.1		Meningkatkan Ketelusan Pengurusan Kewangan Organisasi		
Bil.	Inisiatif		Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Mewujudkan sistem permohonan tuntutan pegawai secara dalam talian (online) termasuk tuntutan perjalanan, lebih masa dan lain-lain		BK	2021-2025
2.	Menambahbaik SOP berkaitan pengurusan perolehan termasuklah prosedur pelantikan syarikat bagi mengelakkan monopoli dan lain-lain		BK	2021-2025
3.	Memastikan perancangan perolehan bekalan dan perkhidmatan disediakan mengikut peraturan dan dipatuhi		BK	2021-2025
4.	Memastikan Jawatankuasa Spesifikasi Teknikal melaksanakan tatacara verifikasi bagi pengesahan projek selesai		BK	2021-2025
5.	Membangun, melaksana serta mendapatkan pensijilan MS ISO 37001:2016 <i>Anti-Bribery Management Systems</i> (ABMS)		AKADEMI & UI	2021-2025
6.	Mewujudkan pangkalan data pendaftaran syarikat pembekal/ perkhidmatan yang mempunyai rekod penilaian tahap perkhidmatan yang baik		BK	2021-2025
7.	Mewajibkan pengisian <i>Integrity Pact</i> kepada pegawai dan Jawatankuasa di semua peringkat yang terlibat dalam pengurusan perolehan		BK	2023-2025
8.	Memperkuuhkan dan melaksanakan semakan dan kajian semula terhadap Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan SKM (KWA) dan Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan SKM (KWO)		BK	2023-2025
9.	Mewujudkan mekanisme pemantauan pengurusan projek SKM termasuk pengubahsuaian, menaik taraf, sewaan aset SKM bagi tujuan pengesahan bahawa semua kerja yang dituntut adalah seperti mana yang dilaksanakan		BP	2023-2025
10.	Melaksanakan latihan dan pengukuhan pegawai berkaitan pengurusan perolehan secara berterusan dengan menerapkan elemen tadbir urus kepada pegawai yang bertanggungjawab supaya lebih kompeten dan cekap dalam melaksanakan tugas secara berterusan termasuk Sistem Pengurusan Projek - Pendigitalan		AKADEMI	2021-2025

Bidang Keutamaan 3	PEMBANGUNAN MODAL INSAN		
Strategi 3	Memperkasakan Modal Insan Yang Kompeten dan Berintegriti		
Objektif Strategik 3.1	Meningkatkan Keseragaman dan Ketelusan Dalam Proses Pengambilan dan Penempatan Pegawai Demi Kepentingan SKM		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Mewujudkan Polisi Dalaman Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	UI	2021-2025
2.	Menambahbaik GP dan Prosedur berkaitan pengambilan dan penempatan pegawai	BSM	2022-2024
3.	Menggunakan sistem e-Kerjaya sepenuhnya bagi semua permohonan kerja dan tapisan awal ke atas permohonan kerja di SKM	BSM	2022-2024
Bidang Keutamaan 3	PEMBANGUNAN MODAL INSAN		
Strategi 3	Memperkasakan Modal Insan Yang Kompeten dan Berintegriti		
Objektif Strategik 3.2	Membentuk Budaya Kerja Yang Berprestasi Tinggi Dalam Organisasi		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Mewujudkan Tafsiran Undang-undang kepada pegawai SKM sebagai panduan	AKADEMI	2023-2025
2.	Mewujudkan Manual Penyeliaan Koperasi Berkesan kepada pegawai SKM sebagai panduan	BDP	2022-2025
3.	Mengadakan taklimat kesedaran undang-undang berkenaan kepada seluruh warga SKM secara berterusan (refresher course)	BSM & AKADEMI	2021-2025
Bidang Keutamaan 3	PEMBANGUNAN MODAL INSAN		
Strategi 3	Memperkasakan Modal Insan Yang Kompeten dan Berintegriti		
Objektif Strategik 3.3	Memperkuuh dan Memantapkan Nilai-Nilai Murni Warga SKM		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Melaksanakan program pengukuhan seperti menerbitkan e-buletin/ risalah/ poster/ mesej integriti secara berterusan di SKM	UI	2021-2025
2.	Mengadakan latihan dan pengukuhan pegawai bagi meningkatkan pemantapan integriti pegawai SKM	AKADEMI	2021-2025
3.	Mengenakan tindakan punitif terhadap warga SKM yang melakukan pelanggaran tatakelakuan dan salah laku	UI	2021-2025

Bidang Keutamaan 4	PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN		
Strategi 4.1	Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam		
Objektif Strategik 4.1.1	Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Organisasi		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Memperkuuhkan mekanisme dan dasar pelaburan wang SKM	BPL	2021-2025
2.	Menambahbaik GP, SOP dan Tatacara berkaitan pengurusan pelaburan wang SKM	BPL	2021-2025
3.	Menempatkan pegawai berdasarkan pakar bidang khusus (subject matter expert) termasuk pengurusan pelaburan	BSM	2021-2025
4.	Melaksanakan naziran atau penilaian audit kendiri ke atas oleh pegawai bagi tujuan tindakan korektif dan preventif	UAD	2022-2025
Bidang Keutamaan 4	PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN		
Strategi 4.2	Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Bagi Menyokong Fungsi Utama SKM		
Objektif Strategik 4.2.1	Mengoptimumkan Penggunaan Aset-Aset Alih SKM Termasuk Kenderaan Bagi Melancarkan Pengoperasian SKM		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Menyemak dan menambahbaik Tatacara Pengurusan Aset Alih dan Tatacara Pengurusan Kenderaan SKM supaya sesuai dengan perubahan semasa	BP	2022-2024
2.	Menggunakan sistem pengurusan aset alih berkomputer	BP	2021-2025
3.	Penambahbaikan tatacara penggunaan kad <i>Touch & Go</i> untuk Kenderaan Jabatan	BP	2022-2023
Bidang Keutamaan 4	PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN		
Strategi 4.2	Mengoptimumkan Penggunaan Sumber Bagi Menyokong Fungsi Utama SKM		
Objektif Strategik 4.2.2	Memperkemas Pengurusan Dokumen dan Sistem Pemfailan Bagi Mengelakkan Kebocoran Atau Kehilangan Maklumat Rasmi Atau Terperingkat		
Bil.	Inisiatif	Peneraju	Tempoh Perlaksanaan
1.	Menyemak dan menambahbaik Tatacara Pengurusan Dokumen dan Fail Rasmi SKM supaya sesuai dengan perubahan semasa	BP	2022-2025
2.	Menyemak dan menambahbaik Polisi Perkongsian Maklumat dan Integrasi Data Antara SKM Dengan Pihak Luar	BDP	2021-2025
3.	Melaksanakan Sistem Pengurusan Fail Berkomputer (DDMS)	BP	2022-2024



“Integriti ini ialah sesuatu melibatkan tiga perkara dalam diri kita. Pertama akal, kedua nafsu dan ketiga ialah perbuatan sama ada melalui lidah atau tangan. Sekiranya akal gagal mengawal nafsu, maka lidah dan tangan akan bermaharajalela, lalu terjadilah pencabulan integriti dalam diri”

**~ YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara**

PEMANTAUAN DAN PENILAIAN



PEMANTAUAN

- Menjelaskan objektif program
- Memadankan aktiviti dan sumber dengan objektif
- Menterjemahkan objektif ke dalam indikator prestasi dan sasaran
- Membandingkan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap)
- Melaporkan kemajuan kepada pemegang taruh berkaitan dan memaklumkan tentang sebarang permasalahan



PENILAIAN

- Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap aktiviti
- Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi tersebut berorientasikan matlamat yang hendak dicapai
- Memastikan bahawa aktiviti dilaksanakan sebagaimana yang dirancang
- Memberikan maklum balas yang bersesuaian berdasarkan situasi apabila diperlukan
- Menanda aras aktiviti dan amalan terbaik

MEKANISME PENILAIAN



PENERAJU INISIATIF

Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada UI SKM

URUS SETIA UNIT INTEGRITI SKM

Menyediakan laporan status pencapaian setiap suku tahun

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) SKM

Menasihati dan memberi arahan untuk memastikan kemampuan OACP SKM

PENUTUP

Pembangunan OACP SKM adalah salah satu inisiatif bagi menyokong usaha Kerajaan untuk menangani isu tadbir urus, integriti dan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Dokumen ini merupakan komitmen SKM dalam memantapkan pengukuhan tadbir urus, serta membentuk organisasi yang bebas rasuah dan berintegriti tinggi.

Melalui pendekatan lima (5) strategi yang dirangka, OACP SKM sebagai satu instrumen dalam memastikan segala langkah dan usaha membasmi jenayah rasuah ini dapat direalisasikan. Pelan ini juga akan sentiasa dipantau dan dikaji keberkesanannya dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan risiko yang dihadapi oleh SKM.

Selain itu, OACP SKM ini akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua warga kerja SKM dalam usaha untuk memantapkan tadbir urus, integriti dan antirasuah.

SKM turut ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan, SPRM** dalam memberi bimbingan dan khidmat nasihat untuk pembangunan OACP SKM.



SENARAI AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN URUS SETIA OACP SKM

Penasihat OACP SKM

YBhg. Dato' Haji Zazali bin Haron
Pengerusi Eksekutif SKM

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan OACP SKM

Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta


Ahli Jawatankuasa Pembangunan OACP SKM

Puan Norhayati binti Ahmad Zainuri
Encik Mohd Firdaus bin Hussin
Puan Rosidah binti Ramli
Puan Norhayati binti Nayan
Encik Mohd Lutfi bin Muhajir
Encik Tan Boon Khin
Encik Mohd Najib bin Abd Razak
Encik Hamizan bin Othman
Encik Zaid bin Abu Bakar
Encik Mohd Firdaus bin Ismail
Puan Edzuina binti Mohd Sharif
Puan Siti Mulyiana binti Ahmadi
Puan Rabi'ah Al-Adawiyah binti Mohamad
Puan Robiatul Adawiyah binti Mohamad Hasim
Puan Anis Faizuly binti Hamzah
Encik Yazid bin Yusof

Urus Setia Pembangunan OACP SKM

Puan Azizah binti Sahar
Encik Norhisham bin Muhamad Ali
Puan W Norizan binti W Mohamad
Encik Mushalizan bin Ahmad
Puan Siti Nurhidayah binti Abdul Hamid
Cik Siti Maisara binti Farid

AHLI JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN URUS SETIA OACP SKM




BERDIRI DARI KIRI:

Encik Mushalizan bin Ahmad, Encik Hamizan bin Othman, Encik Mohd Firdaus bin Ismail, Encik Yazid bin Yusof, Puan Siti Mulyiana binti Ahmadi, Puan Rabi'ah Al-Adawiyah binti Mohamad, Puan Anis Faizuly binti Hamzah, Puan Robiatul Adawiyah binti Mohamad Hasim, Puan Izzelita Juzy binti Mohd Nazir, Puan W Norizan binti W Mohamad.

DUDUK DARI KIRI:

Encik Zaid bin Abu Bakar, Puan Edzuina binti Mohd Sharif, Encik Norhisham bin Muhamad Ali, Puan Norhayati binti Nayan, **Puan Siti Azlin binti Ahmad Dauta (Pengerusi)**, Puan Norhayati binti Ahmad Zainuri, Encik Mohd Firdaus bin Hussin, Puan Rosidah binti Ramli, Encik Mohd Najib bin Abd Razak.

KURSUS PENGURUSAN RISIKO RASUAH BAGI PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (PRR OACP) SIRI 7 TAHUN 2021 SKM BERSAMA SPRM



BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) SKM





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan,
Bukit Damansara
50490 Kuala Lumpur

Tel : 03-2083 4000 | Faks : 03-2083 4100

E-mel : webmaster@skm.gov.my

Laman Web : www.skm.gov.my

Dicetak Oleh : Kraft Kingdom Venture